

02 SEP 2001

Syed Hamid-Ekstremis

PASTIKAN NIAT KUMPULAN EKSTREMIS GAGAL, KATA SYED HAMID

PETALING JAYA, 2 Sept (Bernama) -- Malaysia berpuashati dengan jalinan kerjasamanya dengan Indonesia dan Filipina bagi membendung kegiatan satu rangkaian kumpulan ekstremis yang mahu melihat pembentukan kerajaan Islam meliputi negara-negara berkenaan, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Katanya yang paling penting ialah pasukan keselamatan ketiga-tiga negara itu mempunyai "saluran-saluran" untuk menggagalkan apa juga matlamat yang hendak dicapai oleh mana-mana kumpulan militan.

"Kita mesti tentukan mereka tidak dapat menggerakkan kumpulan mereka sebagai satu rangkaian di peringkat serantau dengan tiap-tiap negara menyelesaikan masalah itu di peringkat masing-masing," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga Wisma Putra di sini hari ini.

Beliau berkata Malaysia akan terus mengambil tindakan proaktif bagi membendung kegiatan kumpulan militan yang antara lain mahu menumbangkan kerajaan dengan menggunakan kekerasan.

Syed Hamid mengulas pendedahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam tentang kumpulan ekstremis di ketiga-tiga negara itu yang dikatakan telah membentuk satu rangkaian bagi mencapai objektif mereka membentuk kerajaan Islam.

Awal bulan lepas, polis menangkap 10 orang mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana dipercayai terbabit dalam aktiviti Kumpulan Militan Malaysia yang boleh membahayakan keselamatan negara.

Menteri Luar berkata sememangnya soal keselamatan menjadi perhatian ketiga-tiga negara itu sepertimana terbukti dengan perbincangan mengenainya dalam pertemuan antara Dr Mahathir dengan Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo dan Presiden Indonesia Megawati Soekarnoputri pada lawatan berasingan mereka ke Malaysia baru-baru ini.

Syed Hamid berkata masyarakat di Malaysia tidak dapat menerima kumpulan militan dan tidak ada tempat langsung untuk golongan semacam itu di negara ini.

Katanya lagi, tindakan kekerasan dan keganasan tidak akan memberi jawapan kepada masalah yang dihadapi oleh umat Islam bukan sahaja di rantau ini bahkan juga di tempat lain.

Menurutnya, sepertimana yang dilihat di beberapa kawasan di dunia, Islam yang diperjuangkan melalui kekerasan akan melahirkan ketidakstabilan yang menyebabkan kerja-kerja pembangunan umat dan mengejar ilmu tidak dapat dijalankan.

-- BERNAMA
MAM MAM RON